



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN  
USAHAWAN DAN KOPERASI  
MINISTRY OF ENTREPRENEUR DEVELOPMENT AND COOPERATIVES

## **KENYATAAN MEDIA MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI**

### **MEDAC DAN JAKIM JALIN KERJASAMA TINGKATKAN EKONOMI KOPERASI KARIAH MASJID SELURUH NEGARA**

PUTRAJAYA, 27 Julai 2020 - Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MEDAC) dan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) menjalinkan kerjasama strategik bagi meningkatkan aktiviti ekonomi ummah melalui usahawan dan koperasi. Penubuhan Koperasi Kariah Masjid dengan keanggotaan minima seramai 50 orang dan keahlian yang terbuka kepada masyarakat setempat merupakan satu inisiatif untuk membangunkan ekonomi kariah masjid melalui aktiviti perniagaan serta mewujudkan peluang-peluang pekerjaan kepada ahli kariah.

Usaha ini diambil susulan kepada titah Seri Paduka Yang Di Pertuan Agong semasa YB Menteri MEDAC mengadakan Baginda pada 9 Julai 2020. Baginda menitahkan agar koperasi masjid dan surau ditambah lagi agar ekonomi dan kesejahteraan ummah dapat dipertingkatkan.

Berdasarkan rekod pendaftaran Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) mendapati sehingga Disember 2019, terdapat 446 buah Koperasi Kariah Masjid yang didaftarkan dengan keahlian 30,515 orang anggota koperasi. Daripada jumlah ini:

- **300 buah koperasi aktif**
- **69 koperasi tidak aktif**
- **77 koperasi yang dorman**

Menurut rekod pada tahun 2019, Koperasi Kariah Masjid telah mencatatkan pendapatan yang berjumlah hanya RM15.37 juta walaupun mempunyai jumlah keanggotaan yang tinggi iaitu seramai 30,515 orang. Ini menunjukkan gerakan koperasi kariah masjid mempunyai potensi yang besar untuk dimajukan. Manakala, koperasi kariah masjid yang

tidak aktif dan dorman perlu dibantu untuk dipulihkan dan diperkenalkan kepada aktiviti perniagaan yang berpotensi bagi memacu keyakinan kariah di samping menyumbang kepada pendapatan.

Selain memberi tumpuan terhadap peluasan koperasi kariah masjid, MEDAC juga mencadangkan 4 jalinan kerjasama yang boleh diterokai merangkumi:

- Memperluaskan **penubuhan koperasi masjid** ke seluruh negara dalam meningkatkan kualiti kehidupan kariah masjid;
- Menambah nilai komersil ke atas produk usahawan dan koperasi melalui **pensijilan halal**;
- **Memajukan tanah-tanah waqaf** di seluruh negara untuk kemaslahatan ummah; dan
- Menambah nilai **Program Usahawan Asnaf**

Selain itu, MEDAC berharap kerjasama strategik ini akan memastikan pelaksanaan program-program pementapan koperasi dan pembangunan usahawan melalui kerjasama antara MEDAC dan JAKIM, agensi-agensi di bawahnya serta Exco-exco Agama Negeri. Antara pertimbangan yang telah dimohon adalah:

- **Penubuhan koperasi kariah masjid baharu dan pemulihan koperasi tidak aktif dan dorman**
- Kerjasama **khidmat nasihat dan bimbingan pensijilan halal** kepada agensi-agensi MEDAC
- Usaha sama bagi **memajukan tanah waqaf**
- Meningkatkan kualiti kehidupan **usahawan asnaf**
- Sesi **padan niaga** bersama agensi di bawah JAKIM, YaPEIM, JAWHAR, MAIWP, Tabung Haji, Pusat Zakat dan lain-lain bagi meneroka peluang perniagaan untuk usahawan dan koperasi.

**DATO SRI DR. HJ WAN JUNAIDI TUANKU JAAFAR**  
**MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI**  
**27 JULAI 2020.**